

Maklumat laman sosial perlu diteliti

Statistik yang diperoleh daripada laman pemantau penggunaan Internet World Statistic, mencatatkan sehingga Jun 2012, jumlah pengguna internet di Malaysia dianggarkan 17,723,000 orang, bersamaan dengan 60.7 peratus daripada jumlah penduduk.

Angka ini terlalu tinggi dan kita berhak meragui sejauh mana media baru berperanan mempengaruhi pemikiran awam.

Ada sesetengah pengguna laman sosial yang menjadikan medium berkenaan untuk menyebarkan maklumat kepada orang ramai dengan cepat dan pantas.

Sumber berita diragui

Kita harap mereka jangan terpedaya dengan maklumat di laman sosial. Banyak kenyataan yang diragui kerana tidak dicatatkan sumber yang sah. Lebih malang, banyak media sosial sekadar untuk melepaskan geram.

Berita kematian pelakon Jackie Chan dan maklumat mengenai Mr Bean yang dikhabarkan memeluk agama Islam sekadar maklumat palsu.

Kita harap pengguna media baru lebih arif dan bijak menilai sesuatu maklumat yang dipaparkan.

Nur Najihah Dzulkefli,
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)